



PERATURAN PERTANDINGAN

1. Nama Kejohanan: **KEJOHANAN OLAHRAGA PROGRAM PEMBANGUNAN 7 TAHUN HINGGA 15 TAHUN POWPKL/MSWP/MILO 2024**

2. **Anjuran** : Persatuan Olahraga Wilayah Persatuan Kuala Lumpur dengan kerjasama MSWP dan MILO.

3. **Tarikh, Masa dan Tempat**

Tarikh : **26, 27 & 28 Julai 2024 (Jumaat, Sabtu & Ahad)**
 Masa : **3.00 petang - 6.00 petang (Jumaat), 7.00 pagi hingga 6.00 petang (Sabtu & Ahad)**
 Tempat : **Stadium Mini MSN, Bukit Jalil, Kuala Lumpur**

4. **Penyertaan**

Kejohanan ini terbuka kepada semua atlet dari negeri-negeri yang dijemput, pusat-pusat latihan, persatuan gabungan POWPKL, bukan gabungan, Majlis Sukan Negeri, Sekolah-sekolah, Kelab-kelab serta individu dari kalangan lelaki dan Perempuan berumur 7 hingga 15 tahun. **(Lahir tahun 2009 - 2017)**

6. **Undang-undang Pertandingan**

Kejohanan ini akan dijalankan mengikut Peraturan-peraturan KOM dan World Athletics. Sekiranya timbul sebarang kekeliruan maka peraturan di dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

7. **Jenis Pertandingan**

Individu dan Berpasukan

8. **Acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti dalam carta dibawah:**

Bil	LELAKI & PEREMPUAN (7 HINGGA 9 TAHUN)	Bil	LELAKI & PEREMPUAN (10 HINGGA 12 TAHUN)
1	80M	1	100M
2	150M	2	200M
3	800M Berjalan Kaki	3	1600 M Berjalan Kaki
4	4 x 100M *	4	80M Lari Berpagar - 0.762m
5	Lompat Jauh	5	4 x 100M *
6	Melontar Peluru - 1 kg	6	Lompat Jauh
		7	Melontar Peluru - 2.72 Kg
LELAKI & PEREMPUAN (13 HINGGA 15 TAHUN)			
1	100M	8	Lompat Tinggi
2	200M	9	Melempar Cakera - 1 kg
3	400M	10	Melontar Peluru - Lelaki - 4.kg; Perempuan - 3 Kg
4	800M	11	4 x 100M *
5	1500M	12	4 x 400M *
6	3000M Berjalan Kaki	13	100M Lari Berpagar - 0.762m / 110M Lari Berpagar - 0.838m
7	Lompat Jauh		

NOTA: * BAGI ACARA PASUKAN CUMA 24 PASUKAN SAJA PIHAK PENGANJUR AKAN TERIMA.



PERATURAN PERTANDINGAN

9. Yuran Penyertaan

9.1 Bayaran penyertaan bagi setiap acara adalah seperti berikut :

ACARA	SEMUA SEKOLAH-SEKOLAH DI SELURUH MALAYSIA (Melalui Penyertaan Sekolah)	GABUNGAN POWPKL	BUKAN GABUNGAN
Individu	RM10.00	RM10.00	RM15.00
Berpasukan	RM20.00	RM20.00	RM30.00
INSURANS	SETIAP PESERTA WAJIB BAYAR RM5.00 SEORANG		

9.2. Semua borang penyertaan mesti disertakan dengan bayaran penyertaan. Bayaran bolehlah dibuat ke akaun persatuan di **RHB Bank No. Akaun 21432536102691** atau dengan cek atas nama **PERSATUAN OLAHRAGA WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**. Salinan slip bayaran hendaklah dihantar melalui email competitionftklaa@gmail.com

9.3. SILA AMBIL PERHATIAN SEMUA BORANG PENYERTAAN YANG TIDAK LENGKAP DENGAN BAYARAN TIDAK AKAN DI PROSES PENYERTAAN.

9.4. Borang Penyertaan dan tambahan peserta TIDAK AKAN dilayan selepas tarikh tutup pada **19 Julai 2024**.

10. Umur Kelayakan :

10.1 Kategori: Umur 7 hingga 9 tahun

10.2 Kategori: Umur 10 hingga 12 tahun

10.3 Kategori: Umur 13 hingga 15 tahun

(Lelaki & Perempuan yang lahir pada tahun 2009 - 2017 dan umur 7 tahun - 15 tahun pada 31 Disember 2024)

11. Permohonan Penyertaan

11.1 Semua permohonan penyertaan **WAJIB** dibuat melalui borang penyertaan yang disertakan (Excel format). **Penyertaan yang tidak melalui borang penyertaan yang disediakan tidak akan diproses. Penyertaan melalui WhatsApp, panggilan talipon dan pesanan ringkas tidak akan dilayan.**

11.2 Nama dan butir-butir peserta hendaklah diisi dengan terang dan lengkap mengikut kad pengenalan dalam **HURUF BESAR**.

11.3 Atlet yang menyertai secara individu (bebas) perlu menyatakan nama dan nombor telefon bimbit 'Next of Kin' untuk memudahkan urusan kecemasan jika berlaku.

11.4. Semua atlet **WAJIB** mengisi baring kebenaran ibubapa / penjaga.

11.5 **Borang pendaftaran penyertaan kejohanan perlulah dilengkapkan semasa menghantar tanpa gagal.**



PERATURAN PERTANDINGAN

11.6 **Borang-borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak akan diterima. Semua borang-borang penyertaan hendaklah dihantar sebelum atau pada 12hb Julai 2024 jam 2.00 petang melalui emel competitionftklaa@gmail.com dalam EXCEL Format TANPA GAGAL.**

11.7 Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi :

11.7.1 Pejabat Persatuan Olahraga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di talian **603-2022 1418** atau emel competitionftklaa@gmail.com

12. Tarikh Tutup Penyertaan

12 Julai 2024 (Jumaat) Jam 2.00 petang

13. Tarik diri/ Penggantian

13.1 Sebarang pembatalan (Scratching) boleh dilakukan pada atau sebelum **19hb Julai 2024 (Jumaat)**.

13.2 **Penambahan** peserta/perubahan senarai peserta adalah **tidak dibenarkan** sama sekali selepas **19 Julai 2024**.

14. Pembatalan Acara

Acara yang **kurang daripada tiga (3)** orang peserta atau pasukan, tidak akan dipertandingkan.

15. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

15.1 Tidak ada mesyuarat Pengurus Pasukan

16. Nombor Peserta

16.1 Semua peserta yang bertanding hendaklah menggunakan nombor peserta yang telah disediakan oleh jawatankuasa pertandingan.

16.2 Nombor peserta akan diedarkan kepada pasukan-pasukan pada tarikh, tempat dan masa berikut :

Tarikh : 26 Julai 2024 (Jumaat)

Tempat : MSN Bukit Jalil

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari & 3.00 petang hingga 5 petang

16.3 Peserta-peserta tidak akan dibenarkan bertanding melainkan mereka memakai **NOMBOR PESERTA** yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan disematkan di dada dan belakang bagi semua acara kecuali acara Lompatan dibenarkan menggunakan satu nombor.

17. Pakaian Peserta

17.1 Peserta hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas sewaktu mengambil bahagian.

17.2 Pakaian hendaklah tidak menjolok mata.

18. Hadiah

18.1 Pingat kemenangan akan diberi kepada pemenang pertama hingga ketiga sahaja.



PERATURAN PERTANDINGAN

19 Kawasan Pertandingan

- 19.1 Hanya pegawai-pegawai kejoanan yang bertugas dan peserta yang sedang bertanding sahaja dibenarkan berada di tempat pertandingan.
- 19.2 Pengurus Pasukan dan jurulatih tidak dibenarkan masuk kedalam kawasan pertandingan kecuali diminta berbuat demikian oleh Pengurus Kejoanan.

20. Sistem Pertandingan

- 20.1 Pertandingan bagi acara-acara balapan 80m - 400m, akan diadakan di peringkat saringan, separuh akhir dan akhir.
- 20.2 Pertandingan bagi acara-acara balapan acara 800m, 80m Lari Berpagar dan 100m/110m Lari Berpagar akan dipertandingkan dalam peringkat separuh akhir dan akhir sahaja.
- 20.3 Pertandingan bagi acara-acara balapan, acara 1500m, 800m/1600m/3000m Lumba Jalan Kaki, Lari berganti-ganti 4 x 100m dan 4 x 400m akan dipertandingkan dalam peringkat akhir sahaja.
- 20.4 Penentuan peserta-peserta ke peringkat separuh akhir dan akhir adalah seperti berikut:-
 - 20.4.1 **Melebihi Empat (4) Saringan dan keatas** - 24 peserta yang mencatat masa terbaik layak ke peringkat tiga (3) separuh akhir.
 - 20.4.2 **Empat (4) Saringan** - 3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap saringan dan 4 peserta mencatat masa terpanjang dari keempat-empat saringan layak ke peringkat dua (2) separuh akhir.
 - 20.4.3 **Tiga (3) S/Akhir** - 2 peserta (pertama dan kedua) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari ketiga-tiga separuh akhir layak ke peringkat akhir.
 - 20.4.4 **Dua (2) S/Akhir** - 3 peserta (pertama, kedua dan ketiga) dari setiap separuh akhir dan 2 lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kedua-dua separuh akhir layak ke peringkat akhir.
- 20.5 Bagi semua acara padang **KECUALI Lompat Tinggi** akan diberi **TIGA (3) percubaan** dan **lapan (8) peserta terbaik sahaja akan diberi 3 percubaan lagi mengikut giliran songsang**. (akan ditentukan kemudian)

21. Masa Melapor Diri

- 21.1 Acara-acara **Balapan**: Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Hakim Bilik Panggilan **30 minit** sebelum acara-acara mereka bermula.
- 21.2 Acara-acara **Padang**: Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Hakim Bilik Panggilan **45 minit** sebelum acara-acara mereka bermula
- 21.3 Semua atlet akan diberitahu jika terdapat pertukaran masa dalam jadual.

22. Penggunaan Peralatan Blok Mula (Starting Block)

Blok Mula wajib digunakan untuk semua kategori umur kecuali kategori umur 7 tahun hingga 9 tahun adalah pilihan bagi pertandingan acara pecut bawah jarak 400m dan kebawah.



PERATURAN PERTANDINGAN

23. Bantahan

Sekiranya ada pihak yang membantah sesuatu keputusan, rayuan secara lisan hendaklah dibuat kepada referi berkenaan, selepas itu rayuan secara bertulis dikemukakan kepada pihak Juri Rayuan tidak lewat dari **30 minit** selepas keputusan acara diumumkan. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah disertakan bersama wang sebanyak RM200.00 dan wang ini tidak akan dikembalikan jika bantahan itu tidak berjaya.

24. Hak-Hak Jawatankuasa Pengelola

- 23.1 Setiap acara akan dijalankan mengikut masa dan tarikh yang telah ditetapkan tetapi Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan acara jika perlu. Jika berlaku sebarang pindaan, pengumuman rasmi akan dibuat.
- 23.2. Atas nasihat pihak berkuasa (directive of authorities), pihak penganjur boleh membatalkan acara atau pertukaran susunan acara atau pertukaran format pertandingan

25. Tarik Diri Penyertaan

- 24.1 Semua pembatalan (scratching) hendaklah dibuat oleh pengurus pasukan masing-masing kepada ketua Penyelia Bilik Panggilan sekurang-kurangnya **satu (1) jam** sebelum acara dijalankan dan juga dijadualkan bermula ***hanya untuk pusingan pertama sahaja***.
- 24.2 Peserta yang layak kepusingan seterusnya **TIDAK BOLEH TARIK DIRI**.
- 24.3 Tarik diri dari penyertaan seterusnya hanya atas sebab nasihat dari Pegawai Perubatan Kejohanan.

26. Keselamatan

Semua peserta yang menyertai pertandingan ini adalah diatas tanggungjawab dan risiko sendiri, Jawatankuasa Pengelola **TIDAK** akan bertanggungjawab atas kehilangan harta benda, **sebelum, semasa** atau **selepas** kejohanan ini.

27. Perkara yang tidak dinyatakan

Jawatankuasa Pengelola berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak tersedia dalam peraturan ini atau peraturan-peraturan KOM dan keputusan adalah muktamad.

28. Masa menggunakan sistem elektronik (photofinish)

****NOTA:**

- i. Adalah dimaklumkan bahawa **ATURCARA TENTATIF** akan berubah selepas tarikh tutup penyertaan.
- ii. **Jawatankuasa Pengelola** berhak memeriksa Kad Pengenalan peserta-peserta jika ada keperluan.